



SENARIO MURTAD DI MALAYSIA¹

Oleh;
Mohamad Zamri Bin Mohamed Shapik
Pengerusi
Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Selangor

Gaya hidup anti agama yang berteraskan materialisma dan cengkaman sekularisma telah mendedahkan umat Islam kepada kerapuhan sistem keimanan mereka. Kesungguhan musuh-musuh Islam menyebar luaskan dakwah mereka melalui pendekatan 3G. Gospel, Goal, dan Glory telah berjaya mengisi kekosongan iman orang Islam sehingga mereka tergamak untuk murtad. .Kehalusan gerakan mereka dikesan seperti “garam dan ragi”. Garam sebagai perasa, ragi untuk penapaian. Contohnya ubi kayu. Waktu siang asalnya ubi kayu diletak ragi, esoknya masih lagi bentuk ubi kayu tapi sebenarnya tapai. Maksudnya, kita kekal sebagai orang Melayu dengan identiti Islam tetapi hakikatnya kehidupan kita bukan cara Islam lagi. Peristiwa seperti ini boleh dilihat dalam kehidupan sosial masyarakat Islam pada hari ini.

Kemuncak krisis keyakinan kepada Allah diterjemahkan dengan tragedi murtad. Dulu kita menyangka bahawa kes Natrah adalah kes pertama dan terakhir akidah seorang Islam dileburkan dengan keputusan mahkamah. Apabila orang Islam bangkit beramai-ramai membantah paksaan murtad kepada Natrah. Orang Melayu Islam menjangkakan pihak berkuasa mengambil iktibar. Tetapi selepas itu segala-galanya menjadi sepi sehingga kita dikejutkan dengan:

¹ Kertas ucaputama ini disampaikan dalam Seminar Krisis Murtad, anjuran Persatuan Ulama’ Malaysia Cawangan Selangor (PUMCS), Persatuan Pegawai Syariah Malaysia (PPSM) dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah , 30 Mei 2009, bertempat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam., Selangor Darul Ehsan



Kes 1: Aisyah Hj Bohari

Aisyah Hj Bohari adalah gadis Melayu biasa yang didedahkan dengan ilmu yang sepatutnya. Dikhabarkan dia dihantar ke sekolah agama dan belajar sehingga tingkatan 6 atas. Kelulusannya melayakkan dirinya menjadi ustazah atau melanjutkan ke peringkat university Al Azhar. Dia dibesarkan dalam suasana yang bapanya imam. Datuknya juga imam. Dia juga hafal surah Yasin dan Surah Sajadah. Semasa belajar di ITM dia terlibat dalam gerakan Islam. Dia didedahkan dengan gerakan Islam, dia tahu kelemahan-kelemahan Bible. Dari segi keterampilan, dia budak perempuan Melayu seperti biasa, pakai tudung dengan baju kurung bunga-bunga. Tinggal di lembah keramat AU5C. Begitulah juga keterampilan kakaknya. Selepas 2 tahun tinggal di Kuala Lumpur, pada 19 Nov 1997 dia menghubungi ayahnya dan berkata, “Assalamualaikum ayah! Ni Intan (nama manja) cakap. Intan nak bagitahu, Intan dah Kristian.”

Bayangkan betapa hancurnya hati seorang bapa. Kita sendiri merasa hairan bagaimana dia boleh murtad. Aisyah adalah simbol anak Melayu yang telah dididik dengan sempurna tetapi masih boleh murtad. Apa lagi mereka yang tidak terdidik. Apa yang Haji Bukhari boleh buat? Hanya linangan airmata sahaja. Masuk TV menangis, keluar radio menangis, pergi forum menangis. Tiada apa yang boleh dibuat Hj Bukhari.

Kes 2 : Hartina Hj Kamaruddin

Diceritakan Haji Kamarudin seorang penjual satay di Perak. Beliau izinkan anaknya, Hartina, untuk bekerja di Kuala Lumpur selepas dia berumur 18 tahun. Selepas 9 bulan, Hartina balik ke restoran bapanya dalam keadaan Hindu. Anak yang dimanjakan begitu rupa balik mencabar bapanya, dengan membawa teman lelaki dan kawan-kawan teman lelakinya sambil berpeluk-peluk. Oleh kerana terlalu marah Haji Kamarudin menetak teman lelakinya di tengkuk. Akibatnya Haji Kamarudin juga dipukul oleh kawan-kawan Hartina sehingga hampir pengsan. Adik lelaki Hartina berumur 16 tahun turut dibelasah kerana hendak menyelamatkan akidah kakaknya di depan kedai tempat bapanya berniaga.



Pada masa itu Hartina papah kekasihnya dan biarkan bapanya menggelupur sendirian. Malah dia pergi ke balai polis buat *report* menyatakan bapanya telah memukul teman lelakinya. 14 hari Haji Kamarudin dengan adik lelaki Hartina merengkok dalam penjara sebab *report* anak kesayangannya yang mempertahankan kekasih Hindunya. Hartina juga mengemukakan saman kepada bapanya sebanyak 3 juta. Betapa remuknya hati seorang bapa yang diheret ke penjara kerana anak sendiri. Hartina juga telah menukar nama Hartina Haji Kamarudin kepada Nivasni Rajeswari. Nama Hindu.

Semasa masih terlantar di hospital (akibat dipukul kawan-kawan Hartina), Haji Kamarudin ditangkap polis semula sebab teman lelaki Hartina ditembak oleh seorang yang tak dikenali. Jadi, Haji Kamarudin, anaknya dan anak saudaranya dilokap semula kerana menjadi suspek utama kes tembakan tersebut. Anak yang ditatang begitu rupa akhirnya menyebabkan dia merana dalam keadaan hina. Setakat ini Haji Kamarudin dikenakan 4 tuduhan.²

Kes 3 : Suzie Teoh³

Kes Suzie Teoh, seorang budak perempuan dari Kelantan berumur 16 tahun telah memeluk Islam atas kerelaan sendiri. Bapanya amat marah dan menyaman anaknya sendiri dan Majlis Agama Islam Negeri Kelantan, sehingga ke mahkamah persekutuan. Dia memohon pada mahkamah, agar diistiharkan pengIslaman anaknya tidak sah.

Tun Salleh Abbas sebagai hakim yang bijaksana telah menangguhkan kes Suzie Teoh selama 2 tahun. Selepas Suzie Teoh berumur 18 tahun, Tun Salleh Abbas membuka semula kes ini dan Suzie diberi peluang untuk mengisytiharkan agamanya sendiri. Terketar-ketar sambil menangis, Suzie berkata ” Saya yang arif, kekal dalam agama saya, saya masih nak nama Nur Aini.” Maka Tun Salleh Abbas pun dengan bangga

² <http://kipp3k.wordpress.com/2007/09/15/murtad-di-malaysia/>

³ Teoh Eng Huat v Kadhi. Pasir Mas & lain-lain[1990] 2 MLJ 300.



mengisytiharkan Islamnya sah dengan namanya Nur Aini. Selamat akidah seorang wanita. Malangnya Tun Salleh Abas dipecat atas 5 tuduhan. Itulah harga yang Tun Salleh Abas terpaksa bayar.⁴

Kes 4 : Pembunuhan Keluarga Ibrahim

Saudara Ibrahim, isterinya Siti Solehah dan anak perempuannya usia 5 bulan mati dipancung kerana tidak mahu kembali kepada agama asalnya, Hindu. Pada malam 14 Februari, mereka mati dipancung dalam sebuah kontena demi mempertahankan agama. Bukan sahaja Ibrahim dipancung kepalanya sehingga putus, tangannya juga turut dipotong. Ibrahim adalah seorang saintis Pakar Geologi manakala isterinya Siti Solehah, seorang Pakar Botani. Tanda-tanda syahid jelas pada ketiga mayat tersebut. Walaupun 5 hari dalam peti sejuk darah masih memancut keluar pada ketiga-tiga mayat. Bayi yang berusia 5 bulan masih mengalirkan darah hangat seperti baru meninggal dunia. Peluh terpercik pada dahi mereka. Mereka dikebumikan di kubur Bukit Kiara.⁵ Penulis difahamkan kes ini ditutup dengan alasan menjaga sensitiviti kaum. Sekali lagi orang Islam tidak mendapat pembelaan sewajarnya.⁶

Kisah di atas menggambarkan bagaimana akidah umat Islam di Malaysia terdedah dengan murtad walaupun perlembagaan persekutuan melindungi akidah mereka. Begitu juga Hakim yang cuba melindungi akidah muslim dengan kebijaksanaannya, akhirnya dipecat dan diperhinakan sebegitu rupa. Disamping itu mereka yang gagal dipujuk untuk murtad akhirnya dibunuh. Justeru itu Salleh Ismail merumuskan dalam tesis PhD nya bahawa Jenayah Murtad di Malaysia telah sampai ke tahap yang membimbangkan. Keperluan kepada undang-undang yang berwibawa untuk menangani kes murtad amat mendesak.⁷ Senario ini juga menimbulkan persoalan adakah perundangan sedia ada tidak

⁴ Penangguhan kes ini merupakan tuduhan ketiga keatas yang dihormati bekas Ketua Hakim Negara Tun Mohd. Salleh Abbas yang membawa kepada pemecatan beliau. Lihat Tun Salleh Abbas, *Singa Di bawah Takhta Di jerat (Satu Kezaliman)*, cetakan pertama, Penerbitan Pena Sdn. Bhd. Mac 1989, m.s 119-120.

⁵ <http://kipp3k.wordpress.com/2007/09/15/murtad-di-malaysia/>

⁶ Pengalaman penulis semasa bertugas di Jabatan Agama Islam Selangor tahun 1994 – 1999.

⁷ Salleh Bin Ismail *Murtad Di Malaysia: Satu Kajian Kes*, Tesis PhD, Ukm, 1998, m.s 347



menjamin akidah umat Islam atau sikap umat Islam sendiri dan pemimpin mereka yang membiarkan akidah mereka terancam.

Kekalutan yang timbul reda seketika apabila Utusan Malaysia melaporkan pada 20 April 1998 bahawa Datuk Dr Abdul Hamid Osman Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dipetik berkata bahawa Draf Rang Undang-Undang Pemulihan Akidah berada diperingkat akhir pengubalan dan menanti persetujuan kerajaan pusat dan kerajaan - kerajaan negeri. Namun selepas menunggu lebih dari 10 tahun rang undang-undang tersebut masih belum muncul.

Kita digemparkan lagi dengan kes Lina Joy. Keputusan Ketua Hakim Negara, Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim bersama seorang lagi hakim Dato' Alauddin Dato' Mohd Sheriff mengetepikan permohonan Azlina Jailani, 42, yang lebih popular dengan nama Lina Joy, untuk membuang status agamanya daripada kad pengenalan beliau amat melegakan umat Islam di Malaysia. Walaubagaimanapun Hakim Besar Sabah dan Sarawak Dato' Richard Malanjun membenarkan permohonan tersebut. Oleh itu keputusan ini dicapai melalui majoriti 2:1 menolak permohonan Lina Joy.⁸

Menurut keputusan mahkamah, Lina Joy, yang telah pun menukarkan agamanya kepada Kristian, perlu mendapatkan sijil pengisytiharan daripada Mahkamah Syariah untuk mengesahkan dia tidak lagi menganut agama Islam sebelum Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) boleh menggugurkan perkataan "Islam" dalam kad pengenalannya. Ahmad Fairuz berkata JPN berhak untuk mengenakan syarat kepada Lina Joy memintanya mengemukakan sijil atau deklarasi atau satu perintah daripada Mahkamah Syariah untuk mengesahkan dia keluar daripada Islam sebelum bertindak menggugurkan perkataan Islam dalam kad pengenalannya.

⁸ Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan yang lain [2007] CLJ JT (1) (Mahkamah Persekutuan)



Menurut laporan Bernama, Lina mengemukakan rayuan itu kepada Mahkamah Persekutuan setelah Mahkamah Rayuan membuat keputusan pada 19 Sept 2005 menghalangnya daripada menggugurkan perkataan "Islam" daripada kad pengenalannya dengan alasan bahawa tindakannya keluar daripada Islam tidak mendapat pengesahan daripada Mahkamah Syariah atau pihak berkuasa Islam yang lain.⁹

Permohonan kepada Mahkamah Rayuan itu dilakukan setelah Mahkamah Tinggi, pada April 2001, menetapkan bahawa sebagai seorang Muslim, dia tidak boleh keluar daripada Islam, dan soal keluar daripada Islam, perlu diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Lina menamakan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, kerajaan Malaysia dan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, Datuk Wan Ibrahim Wan Ahmad, sebagai responden.¹⁰

Kes ini telah menarik ramai pihak untuk memberi ulasan dan pandangan. Walaupun permohonan Lina Joy seolah-olah tiada kaitan dengan isu menukar agama tetapi implikasi sebenarnya adalah berkaitan hal murtad, yang begitu sensitif kepada umat Islam di Malaysia.

Keputusan kes ini amat bertepatan dengan peruntukan 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Ia juga telah mempertegaskan semula keputusan Mahkamah sebelumnya bahawa Mahkamah Syariah memiliki kuasa yang diiktiraf oleh Perlembagaan dan Mahkamah Sivil tidak boleh campur tangan ke atas bidangkuasa dan keputusan Mahkamah Syariah.

Walaupun bagaimanapun para pemerhati merumuskan bahawa kes ini tidak menyelesaikan kes murtad Lina Joy. Media melaporkan bahawa beliau telah mengaku memeluk agama Kristian. Secara tidak langsung ia menjelaskan bahawa Lina Joy telah

⁹ Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kerajaan Malaysia dan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara. Sivil No. 01-2-2006 (w) (Mahkamah Rayuan)

¹⁰ Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Anor [2004] 6 CLJ 242 (Mahkamah Tinggi)



keluar dari agama Islam iaitu Murtad. Timbul persoalan apakah pengakuan Lina Joy memeluk agama Kristian sudah boleh diterima dari sudut perundangan Islam bahawa beliau telah murtad. Jika beliau Murtad apakah tindakan yang sewajarnya dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Bila berkaitan dengan mahkamah Syariah adakah ia memiliki bidang kuasa untuk membicarakan jenayah murtad. Apakah hukuman pesalah murtad boleh disabitkan oleh Mahkamah Syariah. Malah perkara yang lebih asas apakah undang-undang Islam di negeri – negeri khususnya di Selangor memperuntukan seksyen berkaitan dengan kesalahan murtad. Bagaimana pula dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kebebasan beragama iaitu semua orang bebas untuk memilih agama mereka.

Konflik undang-undang bagi kesalahan murtad semakin penting untuk dikaji apabila ada beberapa kes lain yang memiliki latarbelakang kes yang hampir sama iaitu permohonan untuk menukar nama di dalam kad pengenalan dan pengistiharan keluar Islam. Pengalaman penyelidik sendiri semasa bertugas di Jabatan Agama Islam Selangor ada menerima permohonan dari Jabatan Pendaftaran Negara bagi mendapatkan ulasan berkenaan isu ini. Begitu juga dengan rayuan *habeas corpus* oleh sepasang suami isteri Mohamad Ya, 57, Kamariah Ali, 51, dan dua orang lelaki yang lain iaitu Daud Mamat, 62, dan Mat Yaakob Ismail, 56, yang menuntut supaya mereka dibebaskan dari tahanan di penjara Pengkalan Chepa, di Kelantan. Hakim Datuk Abdul Kadir Sulaiman dan Datuk Allaudin Mohd Sheriff juga telah menolak rayuan mereka berempat yang telah mengaku keluar dari Islam, untuk mendapat pengisytiharan hak kebebasan beragama.¹¹

Di samping itu kes - kes ajaran sesat yang menyentuh secara langsung dengan kesahihan akidah Islamiyah. Umpamanya kes Puan Kamariah yang mendakwa bahawa dia tidak lagi beragama Islam selepas terlibat dengan ajaran Ayah Pin dan kes Hj Kahar yang mendakwa bahawa dirinya nabi melayu dan sebagainya. Isu seperti ini semakin

¹¹ Kamariah Binti Ali dan lain-lain lwn Majlis Agama Islam Kerajaan Negeri Kelantan Malaysia dan Satu lagi (2002) 3 MLJ 657 (Mahkamah Rayuan); Daud bin Mamat & lain –lain lwn Majlis Agama Islam & satu lagi [2001] 2 MLJ 390 (Mahkamah Tinggi); [2002] 3 MLJ 728 (Mahkamah Rayuan)



serius apabila aktiviti hiburan juga dikaitkan dengan keruntuhan aqidah. Umpamanya hiburan *Black Metal* yang mengajak para pendengar menghina al Quran malah keluar slogan anti Allah. Hiburan seperti ini secara langsung akan menjejaskan aqidah mereka.

Sama ada serangan aqidah ini dirancang atau tidak, nyatanya aqidah umat Islam di Malaysia pada hari ini telah terancam. Malah kalau dahulu murtad hanyalah dilihat sebagai jenayah terkutuk tetapi hari ini ia boleh dipohon di mahkamah syariah sebagai kes sivil seperti didalam kes Fatimah Tan. Justeru adalah diharapkan agar semua pihak sama ada para ulamak, pengamal undang-undang, pendakwah dan pemimpin politik yang memerintah untuk mengambil tindakan segera bagi memastikan kesucian akidah Islam terus terpelihara.